



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGANJURAN PAMERAN PELANCONGAN YANG BERTUJUAN UNTUK MENJUAL ATAU MEMPROMOSI PAKEJ PELANCONGAN DALAM DAN LUAR NEGARA

1. KATEGORI PENGANJUR:

- 1.1. Penganjur ertinya mana-mana orang atau mana-mana pihak yang menganjurkan pameran pelancongan.
- 1.2. Kategori penganjur yang dibenarkan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- 2.1. Penganjur hendaklah mengemukakan permohonan dalam tempoh sekurang-kurangnya 14 hari bekerja sebelum tarikh penganjuran pameran berlangsung.
- 2.2. Penganjur hendaklah memastikan pempamer yang menyertai pameran pelancongan yang dianjurkan:
 - (a) merupakan pengusahaan pelancongan yang berlesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] dengan tempoh lesen masih sah dan berkuat kuasa; dan
 - (b) bebas dari senarai aduan/ senarai amaran/ pendakwaan/ kompaun yang belum selesai/ kes Polis Diraja Malaysai (PDRM)/ *award* Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)/ kes mahkamah pada tarikh permohonan kelulusan daripada Pesuruhjaya dibuat.
- 2.3. Tiada had minima/maksima bagi jumlah pempamer tertakluk kepada keluasan tempat penganjuran pameran pelancongan.
- 2.4. Sebarang perubahan lokasi dan tarikh pameran pelancongan hendaklah dimaklumkan oleh penganjur dalam tempoh dua (2) hari kepada Pejabat MOTAC Negeri di mana permohonan asal diluluskan melalui surat rasmi yang menyatakan dengan jelas berkaitan perubahan yang dilakukan.

- 2.5. Tempoh pameran pelancongan yang dibenarkan adalah maksimum 14 hari. Penganjur hendaklah membuat permohonan pelanjutan tempoh sekiranya berhasrat untuk mendapatkan pelanjutan tempoh bagi pameran pelancongan tersebut.

3. TANGGUNGJAWAB PENGANJUR:

- 3.1. Memastikan pempamer merupakan pengusahaan pelancongan yang berlesen di bawah Akta 482 dan tempoh lesen tersebut masih sah dan berkuat kuasa sepanjang tempoh pameran pelancongan.
- 3.2. Memastikan pempamer tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [*Akta 594*] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).
- 3.3. Sebarang tuntutan/ aduan pempamer bagi hal-hal berkaitan pameran pelancongan adalah di bawah tanggungjawab penganjur. MOTAC tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang implikasi yang mungkin timbul berikutan kelulusan permohonan penganjuran pameran pelancongan.
- 3.4. Penganjur hendaklah memastikan hanya pempamer yang telah diluluskan sahaja menyertai pameran pelancongan yang dianjurkan.

4. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:

- 4.1. Dokumen pendaftaran berdasarkan kategori penganjur di **LAMPIRAN 1**.
- 4.2. Borang Permohonan Penganjuran Pameran Pelancongan yang Bertujuan untuk Menjual atau Mempromosi Pakej Pelancongan Dalam dan Luar Negara seperti di **LAMPIRAN 1A**.
- 4.3. Senarai pempamer seperti di **LAMPIRAN 1B**.
- 4.4. Kontrak perjanjian/ surat kelulusan di antara penganjur dan pemilik/ pengurusan premis / pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (jika berkaitan).
- 4.5. Surat sokongan daripada Kementerian atau Agensi kerajaan sekiranya penganjuran program melibatkan Kementerian atau Agensi Kerajaan tersebut (jika berkaitan).
- 4.6. Sebarang penambahan nama pempamer perlu dimaklumkan dengan segera sebelum pameran berlangsung.

4.7. Pesuruhjaya berhak untuk membatalkan kelulusan yang diberikan sekiranya terdapat perubahan kepada nama pempamer dan perubahan itu tidak memenuhi syarat yang ditentukan dalam Garis Panduan ini.

5. TATACARA PERMOHONAN:

5.1. Melengkapkan maklumat permohonan dalam sistem **Tourism Licensing & Enforcement System (TOURLIST)** melalui laman sesawang www.tourlist.gov.my.

5.2. Semua dokumen seperti yang dinyatakan di perenggan 4 hendaklah dimuat naik ke dalam sistem **TOURLIST**.

6. FI PEMROSESAN: Pembayaran secara atas talian **RM500.00** bagi setiap permohonan di www.tourlist.gov.my.

7. KEPUTUSAN PERMOHONAN: Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui **TOURLIST**.

8. PIAGAM PELANGGAN:

Kelulusan akan dikeluarkan dalam masa tiga (3) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada penganjur tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat, dasar serta prinsip yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini.

9. TARIKH KUATKUASA:

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **15 Ogos 2024**.

LAMPIRAN 1**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGANJURAN PAMERAN PELANCONGAN YANG BERTUJUAN UNTUK MENJUAL ATAU MEMPROMOSI PAKEJ PELANCONGAN DALAM DAN LUAR NEGARA**

BIL	KATEGORI PENGANJUR	DOKUMEN PENDAFTARAN
1.	Syarikat yang berdaftar dengan SSM	E-Info SSM
2.	Badan Berkanun	Surat Ketua Jabatan
3.	Jabatan/ Agensi Kerajaan/ Agensi Awam	Surat Ketua Jabatan
4.	Syarikat atau Pertubuhan Asing yang disahkan oleh Kedutaan masing - masing	Surat Pengesahan Wisma Putra/ <i>Tourism Malaysia</i>
5.	Persatuan/ Badan – Badan Bukan Kerajaan (NGO)	Sijil Pendaftaran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)
6.	Koperasi	Surat Pendaftaran Koperasi Di Bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
7.	Syarikat Pengurusan Acara	E – Info SSM
8.	Yayasan	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) / Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN
PENGANJURAN PAMERAN PELANCONGAN YANG BERTUJUAN UNTUK
MENJUAL ATAU MEMPROMOSI PAKEJ PELANCONGAN DALAM DAN
LUAR NEGARA**

BIL.	PERKARA	TANDAKAN (√)
1.	<p>Dokumen pendaftaran berdasarkan kategori penganjur seperti di LAMPIRAN 1.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. E-Info SSM; atau ii. Surat Pengesahan Wisma Putra; atau iii. Pendaftaran ROS/SKM/BHEUU; atau iv. Surat Ketua Jabatan; atau v. Surat Pendaftaran 	<input type="checkbox"/>
2.	Borang Permohonan Penganjuran Pameran Pelancongan Yang Bertujuan Untuk Menjual Atau Mempromosi Pakej Pelancongan Dalam Dan Luar Negara – LAMPIRAN 1A	<input type="checkbox"/>
3.	Senarai nama pempamer - LAMPIRAN 1B	<input type="checkbox"/>
4.	Kontrak perjanjian/ surat kelulusan di antara penganjur dan pemilik lokasi/ PBT (jika berkaitan).	<input type="checkbox"/>
5.	Surat sokongan daripada Kementerian atau Agensi Kerajaan sekiranya penganjuran program melibatkan Kementerian atau Agensi Kerajaan tersebut (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>

* Untuk rujukan pemohon sahaja

**BORANG PERMOHONAN PENGANJURAN PAMERAN PELANCONGAN YANG
BERTUJUAN UNTUK MENJUAL ATAU MEMPROMOSI PAKEJ PELANCONGAN
DALAM DAN LUAR NEGARA**

A. KATEGORI PENGANJUR	(Tandakan \surd)
1. Syarikat yang berdaftar dengan SSM	<input type="checkbox"/>
2. Badan Berkanun	<input type="checkbox"/>
3. Jabatan/ Agensi Kerajaan/ Agensi Awam	<input type="checkbox"/>
4. Syarikat atau Pertubuhan Asing yang disahkan oleh Kedutaan masing-masing	<input type="checkbox"/>
5. Persatuan/ Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO)	<input type="checkbox"/>
6. Koperasi	<input type="checkbox"/>
7. Syarikat Pengurusan Acara	<input type="checkbox"/>
8. Yayasan	<input type="checkbox"/>

B. MAKLUMAT PENGANJUR/ PEMOHON	
1. Nama	: _____
2. Alamat	: _____ _____
3. Pegawai untuk dihubungi	: _____
4. No. Telefon	: _____
5. E-Mel	: _____
6. No. Dokumen Pendaftaran	: _____

C. MAKLUMAT PAMERAN PELANCONGAN

1. Nama Pameran : _____
2. Tarikh Pameran : _____
3. Masa : _____
(waktu operasi)
4. Bilangan : _____
Pempamer

D. TANGGUNGJAWAB PENGANJUR

1. Memastikan Lesen MOTAC pempamer masih sah sepanjang tempoh pameran;
2. Memastikan pempamer tiada kompaun tertunggak dengan MOTAC mengikut Akta AIP 1992; dan syarikat tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan); dan
3. Sebarang tuntutan/ aduan pempamer bagi hal-hal berkaitan pameran adalah di bawah tanggungjawab penganjur.

E. PERAKUAN PENGANJUR

Tiada seorang pun boleh menganjurkan apa-apa pameran pelancongan melainkan jika dia telah mendapatkan kelulusan daripada Pesuruhjaya Pelancongan dan membayar fi pemprosesan RM500.00 bagi setiap permohonan bagi kelulusan sedemikian. Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini telah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

MOTAC berhak menjalankan aktiviti pemantauan/ penguatkuasaan sepanjang tempoh program berlangsung.

Nama Penganjur: _____

Tandatangan Penganjur: _____

No Telefon: _____ E- mel: _____

Tarikh:

Cop Rasmi Penganjur:

LAMPIRAN 1B

SENARAI NAMA PEMPAMER BAGI PERMOHONAN PENGANJURAN PAMERAN PELANCONGAN YANG BERTUJUAN UNTUK MENJUAL ATAU MEMPROMOSI PAKEJ PELANCONGAN DALAM DAN LUAR NEGARA

BIL.	NAMA PEMPAMER	NO. LESEN MOTAC	BIDANG LESEN	TEMPOH SAH LESEN	ULASAN MOTAC

*Tambah helaian jika tidak mencukupi

**Setiap helaian hendaklah ditandatangani bersekali dengan cop rasmi penganjur

Tandatangan Pemohon:

Nama:
No. Telefon:
E_mel:
Tarikh:
Cop Rasmi:

Disemak oleh (Ketua Unit Lesen):

Nama:
Jawatan:
Tarikh:

Diluluskan oleh (Pengarah Negeri):

Nama:
Jawatan:
Tarikh: